



International Journal of Modern Trends in  
Social Sciences (IJMTSS)

Journal Website: <http://ijmtss.com/>  
eISSN: 2600-8777



## RESOSIALISASI JUVANA DAN PERUBAHAN TINGKAH LAKU

### *RESOCIALIZATION OF JUVENILE AND THE CHANGE OF BEHAVIOUR*

Noor Insyirah Abu Bakar<sup>1\*</sup>, Amir Hasan Dawi<sup>2</sup>, Abdul Talib Mohamed Hashim<sup>3</sup>,  
Norwaliza Abd Wahab<sup>4</sup>, Norazilawati Abdullah<sup>5</sup>, Mohd Muslim Md Zalli<sup>6</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia  
Email: insyirah1126@gmail.com

<sup>2</sup> Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia  
Email: amir.hasan@fpm.upsi.edu.my

<sup>3</sup> Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia  
Email: abdul.talib@fpm.upsi.edu.my

<sup>4</sup> Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia  
Email: norwaliza@fpm.upsi.edu.my

<sup>5</sup> Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia  
Email: nora.abdullah@fpm.upsi.edu.my

<sup>6</sup> Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia  
Email: muslim@fpm.upsi.edu.my

\* Corresponding Author

#### Article Info:

##### Article history:

Received date: 19.02.2020

Revised date: 26.03.2020

Accepted date: 22.04.2020

Published date: 10.06.2020

##### To cite this document:

Abu Bakar, N. I., Dawi, A. H., Hashim, A. T. M., Abd Wahab, N., Abdullah, N., & Md Zalli, M. M. (2020). Resosialisasi Juvana dan Perubahan Tingkah Laku. *International Journal of Modern Trends in Social Sciences*, 3 (12), 35-52.

DOI: 10.35631/IJMTSS. 312004

#### Abstrak:

Remaja mempelajari nilai dan tingkah laku negatif melalui interaksi mereka dengan orang di persekitarannya, sehinggakan mereka terlibat dalam tingkah laku menyalahi undang-undang yang dirujuk sebagai delikueni menurut perspektif ilmu sosiologi. Oleh itu nilai dan tingkah laku yang salah ini perlu diperbetulkan melalui proses resosialisasi di institusi pemulihan. Tujuan artikel ini ialah untuk meneroka sama ada berlakunya perubahan nilai dan tingkah laku dalam diri juvana, hasil daripada proses resosialisasi yang dijalankan oleh institusi pemulihan. Bagi meneroka isu ini, pendekatan kualitatif iaitu kajian kes telah digunakan. Responden kajian ini terdiri daripada 27 orang kakitangan institusi pemulihan dan 23 orang juvana. Mereka dipilih melalui pensampelan bertujuan. Bagi tujuan pengumpulan data kajian, temu bual secara mendalam telah dilaksanakan bersama responden dan pemerhatian serta analisis dokumen turut juga dibuat. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat perubahan nilai dan tingkah laku juvana hasil daripada amalan pelaksanaan ganjaran dan hukuman serta program agama. Secara keseluruhannya tidak dapat dinafikan bahawa proses resosialisasi juvana dalam konteks kajian ini telah berjaya,

kerana terdapatnya perubahan dalam aspek nilai dan tingkah laku juvana.

**Kata Kunci:**

Resosialisasi, Juvana, Nilai, Tingkah Laku, Institusi Pemulihan Juvana

**Abstract:**

Adolescents learn about negative values and behaviours through their interactions with people in their environment, to the extent that they engage in unlawful behaviour that is referred to as delinquency based on a sociological perspective. Therefore, these incorrect values and behaviours need to be corrected through the resocialization process at the rehabilitation institution. The aim of this article to explore whether changes in values and behaviours occur among juveniles, as a result of resocialization process, undertaken by rehabilitation institutions. In order to explore this issue, a qualitative approach which is a case study was utilized. The respondents for this study comprise twenty-seven staff members of the correctional institution and twenty-three juveniles. They were selected through purposive sampling. For the purpose of data collection, in-depth interviews were conducted with respondents, and observations with document analysis were also carried out. The study's findings showed that there was a change in the value and behaviours of the juvenile as a result of the implementation of the reward and punishment and religious program. Overall, it is undeniable that the process of juvenile resocialization in the context of this study was successful, given the changes in juvenile values and behaviours.

**Keywords:**

Resocialization, Juvenile, Values, Behaviour, Juvenile Rehabilitation Institution

**Pendahuluan**

Remaja adalah merupakan individu harapan negara, maka segala isu berkaitan mereka perlu diberi perhatian. Akan tetapi sejak akhir-akhir ini pelbagai laporan negatif mengenai penglibatan remaja dalam perlakuan bertentangan dengan undang-undang negara, iaitu merujuk kepada perlakuan delikueni semakin bertambah. Sesungguhnya hampir semua negara di dunia ini menghadapi masalah keterlibatan remaja dalam delikueni (Lelekov & Kosheleva, 2008; Donges, 2015) tidak terkecuali Malaysia turut menghadapinya (Zainudin & Norazmah 2011; Nadiyah Syariani, & Geshina Ayu, 2014; Rosilawati, Nurliyana Kamilah, Dzaa Imma, Abdul Rauf & Fazlul Haque, 2016). Peningkatan keterlibatan remaja dalam delikueni dapat dibuktikan melalui paparan statistik oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat pada jadual di bawah.

**Jadual 1: Penglibatan Individu Berumur di bawah 18 dalam Delikueni pada Tahun 2009 hingga 2016**

Tahun	2009	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016
Bilangan individu	3,862	4,465	5,547	6,020	5,584	5,153	4,669	4886

(Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2017)

Pada dasarnya delikueni adalah perbuatan yang melanggar undang-undang negara yang dilakukan oleh individu di bawah usia 18 tahun (Regoli & Hewitt, 2003; Ferrante, 2014). Walaupun golongan ini telah melanggar undang-undang negara, tetapi mereka ini tidak perlu menjalani hukuman penjara sebagaimana orang dewasa kerana adanya Akta Kanak-Kanak (2001) yang melindungi mereka (Mohd Al Adib Samuri et al. 2013). Sebaliknya mereka perlu menjalani tempoh tahanan di institusi pemulihan sebagaimana arahan mahkamah.

Memang tidak dapat dinafikan apabila menyentuh isu juvana, ianya sering dikaitkan dengan terminologi 'pemulihan'. Walau bagaimanapun dalam bidang sosiologi terminologi pemulihan bermaksud '*to resocialize offenders so that they can reenter society*' (Kendall, 2017:204). Ini bermakna apabila menyebut terminologi pemulihan, ianya merujuk kepada resosialisasi dalam konteks ilmu sosiologi. Ahli sosiologi percaya untuk memulihkan (to rehabilitate), ianya akan dicapai melalui proses resosialisasi.

Ahli sosiologi seperti (Scott, 2011; Henslin, 2012) berpandangan proses resosialisasi paling berkesan adalah apabila seseorang individu dimasukkan ke dalam institusi pemulihan. Resosialisasi merupakan terminologi dalam bidang sosiologi yang bermaksud satu proses pembelajaran norma, nilai dan tingkah laku baru dan hasilnya adalah satu perubahan pada diri individu tersebut (Sullivan, 2007; Tischler, 2011; Ferrante, 2014).

Berdasarkan pandangan ahli sosiologi sebagaimana dinyatakan di atas, ini bermakna apabila seseorang juvana dimasukkan ke institusi pemulihan, mereka akan melalui proses resosialisasi dan hasil resosialisasi sudah semestinya membawa perubahan pada diri mereka dalam aspek nilai dan tingkah laku. Dengan perkataan mudah kesan kemasukan seseorang juvana ke dalam institusi pemulihan dan menjalani proses resosialisasi di dalamnya, akan menyebabkan perubahan pada diri juvana tersebut.

Pada dasarnya proses resosialisasi adalah satu perkara yang sukar dan ini turut dipersetujui oleh Liaudinskien (2005), di mana beliau berpendapat resosialisasi adalah sesuatu yang kompleks, jadi ianya memerlukan pelbagai cara serta pelbagai program bagi mencapai keberhasilan resosialisasi tersebut dan bukannya melalui penggunaan hukuman yang keras. Oleh yang demikian tidak hairanlah pelbagai program dan perancangan telah dibuat oleh institusi pemulihan, agar juvana berjaya diresosialisasikan. Namun dalam artikel ini ianya hanya memfokuskan mengenai dua komponen sahaja, iaitu komponen pelaksanaan program agama dan penekanan ganjaran hukuman terhadap perubahan nilai dan tingkah laku juvana.

Memandangkan kajian ini berbentuk kualitatif iaitu kajian kes, hasil dapatannya adalah dalam bentuk 'perkataan dan ayat-ayat' penting daripada pandangan responden kajian. Hasil dapatan misalnya dalam aspek perubahan nilai dan tingkah laku tidaklah boleh diukur sebagaimana kajian kuantitatif, tetapi perubahan nilai dan tingkah laku yang terhasil dapat diperhatikan berlaku dalam diri juvana sebagaimana dikongsikan oleh kakitangan di institusi pemulihan semasa sesi temu bual. Selain itu perubahan diri juvana juga terutamanya pada aspek tingkah laku juga, dapat dibuktikan melalui perkongsian oleh juvana sendiri dalam kajian ini. Seterusnya kajian ini adalah berbentuk kualitatif (kajian kes), maka dapatannya tidak boleh digeneralisasikan secara umum sebagaimana kajian berbentuk kuantitatif.

### **Tinjauan Literatur**

Sebagaimana dinyatakan pada bahagian pendahuluan, resosialisasi adalah bertujuan untuk menghasilkan perubahan pada diri juvana dan ianya boleh dicapai melalui pelbagai cara dan

program. Di akhir proses resosialisasi perubahan diharapkan dapat dilihat pada diri juvana, misalnya dalam aspek tingkah laku.

Memang tidak dapat disangkalkan lagi, usaha untuk merubah tingkah laku juvana bukannya sesuatu yang mudah. Oleh itu apa sahaja cara dan pendekatan yang mungkin dapat merubah tingkah laku mereka sering diaplikasikan dan salah satunya ialah melalui pengamalan ganjaran dan hukuman. Menurut Greenwood (2006) dan Sheldeh (2010) dalam Young, Phillips, & Nasir, (2010) walaupun institusi pemulihan juvana memfokuskan program lain misalnya program pendidikan dalam usaha meresosialisasi juvana, namun amalan ganjaran dan hukuman turut penting serta perlu dilaksanakan untuk memperbaiki perlakuan negatif juvana ketika dalam tahanan. Oleh yang demikian pada bahagian ini dinyatakan serba ringkas mengenai amalan ganjaran dan hukuman sebagai salah satu cara dalam memperbaiki tingkah laku juvana.

Ganjaran pada dasarnya adalah sesuatu yang mendatangkan kegembiraan, sedangkan hukuman adalah sesuatu yang memeritkan dan menyebabkan seseorang individu merasa serik untuk membuat tingkah laku tidak baik (Gershoff, 2002; Theunissen, Vogels & Reijneveld, 2015; Ahmad Syawaludin & Sri Marmoah, 2018). Bentuk ganjaran yang berbeza boleh diberikan dan bentuknya bergantung kepada seseorang individu itu tersebut (Zalina, Mohd Hanafi & Mohd Mokhtar 2016). Sebagai contoh mudah ganjaran boleh berbentuk pemberian hadiah, makanan kegemaran, pemberian keistimewaan tertentu dan pujian. Manakala hukuman pula merangkumi perbuatan seperti menengking, merotan, menarik semula keistimewaan dan lain-lain lagi.

Amalan ganjaran dan hukuman adalah berlandaskan idea ahli-ahli psikologi aliran behaviourisme (Azizi & Mohd Sofie, 2010). Secara dasarnya aliran behaviourisme percaya untuk membentuk tingkah laku seseorang individu adalah melalui pelaksanaan ganjaran dan hukuman. Ini adalah kerana melalui pemberian ganjaran ianya dapat meneguhkan tingkah laku yang diharapkan dan pemberian hukuman dapat menghapuskan tingkah laku yang tidak diinginkan (Azizi & Mohd Sofie, 2010; Langa, 2014; Muh. Rodhi Zamzami 2015). Oleh yang demikian pemberian ganjaran dan hukuman sering digunakan untuk membentuk tingkah laku seseorang individu termasuklah juvana yang berada dalam tahanan (Abrams, Kim & Anderson-Nathe, 2005).

Oleh kerana amalan pelaksanaan ganjaran dan hukuman penting dalam merubah tingkah laku, maka terdapat beberapa kajian lepas yang mengetengahkan skop kajian berkaitan ini. Misalnya kajian oleh Wing (2005) telah menggunakan pendekatan kajian kes dan hanya melibatkan seorang juvana sahaja iaitu Tom (bukan nama sebenar) berusia 18 tahun. Data dikumpul melalui temu bual dan pemerhatian responden ini. Hasil dapatan menunjukkan melalui amalan ganjaran dan hukuman membantu institusi pemulihan membentuk tingkah laku juvana. Ini kerana melalui pengalaman hidup di pusat tahanan yang berorientasikan sebegini memberi kesan positif untuk juvana berubah dan tidak akan mengulangi jenayah semula kerana mereka merasa menyesal.

Dalam kajian oleh Sharifah Norshah Bani & Zulkifli (2008), pula turut megkaji hukuman dan kesannya terhadap perubahan juvana. Kedua-dua pengkaji ini memfokuskan aspek perubahan personaliti dan akhlak para juvana hasil pelaksanaan ‘uslub tabshir’ dan ‘uslub indhar’. Dalam kajian ini terminologi ‘tabshir’ dan ‘indhar’ tidak digunakan di Sekolah Henry Gurney (SHG) tetapi dalam konteks kajian ini terminologi ‘tabshir’ dan ‘indhar’ dipinjam daripada Al-Qur’an serta disuaipadankan dengan program di SHG. Kajian ini melibatkan dua lokasi

kajian dan seramai 110 orang juvana (90 lelaki, 20 orang perempuan) telah dipilih sebagai sampel kajian. Borang soal selidik merupakan instrumen utama dalam mengumpulkan data kajian. Dalam konteks kajian kedua-dua pengkaji ini, 'uslub tabshir' merujuk kepada pekara yang memberikan kegembiraan, iaitu merangkumi ganjaran yang diberikan oleh SHG seperti ganjaran secara verbal ataupun nonverbal. Seterusnya terminologi 'uslub indhar' ialah pekara yang memberikan ketakutan, kedukaan dan keinsafan, iaitu meliputi hukuman dalam bentuk verbal mahupun nonverbal. Dalam kajian ini kedua-dua pengkaji ini iaitu Sharifah Norshah Bani & Zulkifli, melihat kesan 'uslub tabshir' dan 'uslub indhar' terhadap perubahan juvana dalam pelbagai aspek, termasuklah aspek tingkah laku. Dapatan menunjukkan bilangan ganjaran yang diterima oleh responden adalah hampir seimbang dengan bilangan hukuman yang tidak diterima. Jadi dirumuskan bahawa amalan ganjaran dan hukuman (uslub tabshir & uslub indhar) yang dilaksanakan memberi kesan positif terhadap perubahan para juvana berbanding sebelum mereka dimasukkan kedalam tahanan.

Seterusnya dalam kajian oleh Franzén, (2014) melibatkan kajian kualitatif berbentuk etnografi. Oleh kerana ianya kajian etnografi maka jangkamasa kajian adalah selama dua tahun Ianya melibatkan pengumpulan data iaitu temu bual bersama (kakitangna, juvana) dan pemerhatian ikut serta. Fokus kajian ialah untuk melihat sama ada institsi kajian ini melaksanakan pendekatan yang berupaya meresosialisasi juvana. Hasil dapatan mendapati selain daripada pelaksanaan kawalan ketat, pengamalan pemberian ganjaran dan hukuman mampu merubah tingkah laku juvana menjadi lebih baik sebagaimana diharapkan oleh pihak institusi pemulihan.

Dalam kajian yang diutarakan oleh Cox (2011) pula melibatkan 39 orang juvana (27 orang lelaki, 12 orang perempuan) yang berada di pusat tahanan yang melaksanakan pelbagai pendekatan seperti terapi, rawatan psikologi, program modifikasi tingkah laku dan pengamalan pemberian ganjaran dalam usaha merubah tingkah laku mereka. Kajian dijalankan menggunakan kajian berbentuk kualitatif, iaitu etnografi. Cara pengumpulan data paling utama dalam kajian ini adalah temu bual. Hasil dapatannya adalah pemberian ganjaran membantu juvana bertingkah laku semakin baik. Pemberian ganjaran dalam konteks kajian ini ialah keistimewaan menggunakan telefon untuk menghubungi keluarga, berpeluang menonton televisyen dan berpeluang keluar serta berjalan-jalan di luar institusi. Kesemua ganjaran ini dilihat membantu perubahan tingkah laku juvana juga.

Sememangnya berdasarkan perbincangan ringkas di atas, amalan penekanan ganjaran dan hukuman membantu usaha pihak institusi pemulihan merubah juvana. Namun untuk perubahan tingkah laku juga memerlukan komponen lain agar ianya mencapai suatu keseimbangan pada diri juvana. Antara komponen lain yang tidak kurang pentingnya dalam merubah tingkah laku seseorang adalah komponen agama. Apa yang dimaksudkan komponen agama adalah boleh dalam bentuk ceramah agama, kelas fardhu ain, kelas pengajian Al-Quran, tazkirah dan pelbagai lagi.

Terdapat beberapa kajian lepas yang memfokuskan komponen agama dan perkaitannya dengan juvana dalam institusi pemulihan. Dalam kajian oleh Azlina Muhammad, (2012), ianya telah dilaksanakan di lima buah pusat pemulihan di sekitar Selangor, Kelantan, Pulau Pinang, Johor dan Melaka. Soal selidik adalah sebagai instrumen utama kajian dan sampel kajian seramai 89 orang perempuan kersemuanya. Data kajian ini disokong oleh pengutipan data lain iaitu melalui sesi temu bual bersama juvana terbabit dan pihak pengurusan pusat pemulihan ini. Pemerhatian turut dilaksanakan untuk melihat pelaksanaan program agama ini. Program agama dimaksudkan adalah 'Program Pembangunan Remaja Islam' (PRI) yang

bertujuan menerapkan nilai-nilai baik menurut ajaran Islam. Dapatan membuktikan 91.6 peratus juvana menyatakan program ini membawa perubahan tingkah laku mereka dan hasil temu bual turut menyokong bahawa program ini memberi perubahan positif dalam aspek penguasaan ilmu agama (aspek teori dan praktikal).

Begitu juga Nazneen, Nurzatil Ismah, Sahlawati, Zanariah & Nurul Husna (2016) dalam kajian mereka semua memfokuskan program agama sebagai cara untuk mencapai perubahan diri juvana di sebuah pusat pemulihan swasta di Selangor. Program agama di sini merangkumi bimbingan rohani dalam aspek aqidah, ibadat dan akhlak. Data kajian ini dikumpul secara temu bual bersemuka melalui penggunaan soalan temu bual separa struktur. Dapatan menunjukkan melalui pelaksanaan program agama, ianya dapat mendorong juvana menjadi lebih baik, membantu mereka mengawal sikap negatif (cepat marah) dan terus beristiqamah untuk memperbaiki diri. Dapatan juga mendapati program agama di sini menekankan pengisian keseimbangan (keseimbangan dunia, akhirat) dan ini amat membantu juvana menambah kefahaman mereka terhadap ilmu agama Islam serta seterusnya membantu mereka berubah untuk bertingkah laku baik sebagaimana ajaran agama Islam.

Kajian seterusnya ini masih memfokuskan kesan yang diperolehi oleh juvana yang mengikuti program agama. Siti Marziah & Nur Afifah (2017) cuba mengkaji aktiviti berteraskan agama dan kesannya terhadap diri juvana ini di sebuah institusi ini di bawah seliaan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Pensampelan bertujuan telah digunakan dan ianya melibatkan tujuh orang juvana sahaja. Kaedah pengumpulan data adalah secara temu bual dengan menggunakan soalan temu bual separa struktur. Tempoh pengutipan data kajian adalah selama sebulan. Hasil kajian ini menunjukkan kesemua responden menyatakan aktiviti berteraskan agama seperti (solat, berpuasa, membaca Al-Quran) telah berupaya merubah diri menjadi insan lebih baik, berasa insaf untuk tidak mengulangi kesalahan lagi dan terus bertingkah laku baik.

Manakala melalui kajian tinjauan oleh pengkaji-pengkaji seperti Noor Hafizah, Fakhru Adabi & Norsaleha (2017) turut memberi maklumat penting mengenai program agama dan kesannya terhadap perubahan diri juvana. Kajian ini melibatkan responden seramai 192 daripada Sekolah Tunas Bakti, 43 orang dari Taman Seri Puteri dan 56 orang daripada Asrama Akhlak. Kesemua institusi pemulihan ini di bawah seliaan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Kesemua responden ini adalah beragama Islam dan berumur antara 12 hingga 18 tahun. Penilaian adalah berdasarkan tahap pengetahuan responden dalam ilmu agama dan peningkatan amalan mereka dalam tiga aspek iaitu akidah, ibadah dan akhlak. Analisis dapatan menunjukkan tahap pengetahuan juvana di 3 buah institusi pemulihan ini tinggi (min=4.51). Ini memberi gambaran bahawa program agama di institusi dalam kajian ini berkesan dalam membawa perubahan diri dan akhlak (tingkah laku) para juvana ke arah lebih positif.

Sesungguhnya institusi pemulihan di Malaysia tidak terkecuali turut menekankan program berteraskan agama untuk merubah tingkah laku juvana, kerana kesan positif hasil pelaksanaannya. Ini turut disuarakan oleh Siti Balqis, Haris & Siti Hajar (2013) iaitu melalui pendekatan agama dan kerohanian ianya mampu membantu membentuk tingkah laku individu untuk lebih berakhlak, berperaturan dan berbudi pekerti.

Begitu juga beberapa contoh kajian di luar negara yang turut memperlihatkan kepada kita bahawa apabila program berintipati agama anutan mereka, telah membawa satu kesan positif pada tingkah laku juvana. Misalnya dalam kajian oleh Swanson (2009) memfokuskan

kepercayaan dan perkembangan moral dalam kalangan pesalah yang mengikuti program 'Life Learning Program' (LLP). Program LLP ini adalah program berintipatikan 'faith-based' yang mana menekankan aspek agama dan diketuai oleh ketua paderi daripada sesuatu gereja. Pendekatan kajian kualitatif iaitu kajian bebentuk fenomenologi digunakan oleh pengkaji ini bagi meneroka kesan program LLP terhadap pesalah yang menyertainya. Pengumpulan data kajian adalah melalui temu bual mendalam dan berperingkat-peringkat dengan lima orang juvana sahaja. Dapatan menunjukkan program LLP banyak membantu memperkukuhkan rasa kepercayaan terhadap agama dan membantu perkembangan moral dan nilai yang baik. Dapatan turut memperlihatkan kepada kita, seandainya pesalah mempunyai moral dan nilai baik di dalam diri mereka, akan menyebabkan mereka berkelakuan baik sebagaimana yang diharapkan oleh ajaran agama dan masyarakat.

Contoh seterusnya adalah kajian oleh Gardner (2011) memfokuskan program berkonsepkan agama dan kesannya terhadap juvana. Kajian secara naratif ini telah bermula pada tahun 1996 hingga 2000 iaitu mengambil jangkamasa selama empat tahun. Data kajian diperolehi melalui 88 kali sesi temu bual bersama 23 orang juvana, proses merekod hasil mesyuarat sebanyak 28 kali dan pemerhatian ikut serta oleh pengkaji di dua buah tempat pemulihan iaitu 'Uhuru Youth Club in San Angelo County Juvenile Hall' dan 'San Angelo County Boys' Ranch'. Hasil dapatannya mendapati apabila juvana didedahkan dengan program yang berkonsepkan kepercayaan agama, ianya membantu juvana untuk merefleksi kesalahan lepas, cuba untuk memperbetulkan pegangan hidup dengan berorientasikan rasa kepercayaan kepada nilai ajaran agama dan nilai yang baik. Melalui program agama sebegini juga berlakunya perubahan kelakuan lebih positif, perubahan identiti serta perkembangan sihat para juvana turut dicapai.

Sesungguhnya menurut Dodson, Cabage, & Klenowski, (2011) jika ditinjau dalam sorotan sejarah perundangan USA, untuk merubah pesalah bukanlah semata-mata berteraskan hukuman keras, malah agama perlu menjadi asanya. Ini adalah kerana melalui agama pesalah berpeluang untuk menyesali segala perbuatan mereka. Atas dasar inilah aspek agama dititikberatkan di Barat untuk juvana yang berada di institusi pemulihan agar mereka bertingkah laku baik ketika dalam tahanan dan juga terus bertingkah laku baik selepas dibebaskan kelak.

## Metodologi

Bagi menjawab persoalan yang diutarakan di atas, pendekatan kualitatif secara spesifiknya kajian kes telah digunakan untuk meneroka skop kajian ini, kerana melalui kajian kes ianya akan membolehkan pengkaji mengumpul data secara terperinci dan mendalam (Chua, 2006; Green & Thorogood, 2009; Creswell, 2013; Othman, 2017).

Sejumlah 27 orang kakitangan institusi pemulihan dan 23 orang juvana telah dilibatkan dalam kajian ini. Pemilihan responden kajian ini adalah melalui pensampelan berujuan (*purposive sampling*), selaras dengan pandangan Creswell (2013) kerana melalui pensampelan bertujuan memberi peluang kepada pengkaji untuk memilih responden yang tepat dan responden tersebut dapat memberi jawapan kepada skop kajian secara terperinci. Selaras dengan pandangan Merriam (1998) pensampelan bertujuan sering digunakan dalam kajian berbentuk kualitatif, iaitu kajian kes kerana individu yang terpilih melalui pensampelan bertujuan berupaya memberi jawapan terperinci pada permasalahan kajian.

Justifikasi pemilihan responden kajian seramai 27 orang kakitangan institusi yang merangkumi tenaga pengajar, pihak pentadbir, kaunselor dan pembantu kebajikan masyarakat

(PKM), bertujuan supaya ianya dapat memberi gambaran jelas mengenai isu kajian. Ini kerana kesemua kakitangan-kakitangan ini terlibat dalam melaksanakan pelbagai perancangan program yang bertujuan untuk meresosialisasikan juvana di institusi pemulihan. Manakala dengan melibatkan 23 orang juvana pula, diharap dapat memberi informasi berguna mengenai isu kajian daripada pengalaman dan perspektif juvana sendiri yang melalui proses resosialisasi tersebut.

Tambahan pula dengan melibatkan pelbagai kakitangan seperti dinyatakan di atas dan para juvana, sudah tentu maklumat mendalam mengenai isu kajian ini dapat diperolehi. Secara asasnya kriteria umum pemilihan responden kajian adalah individu-individu daripada pelbagai jantina, pelbagai etnik, secara sukarela menyertai kajian ini dan boleh bertutur dan memahami Bahasa Melayu, kerana temu bual dilaksanakan dalam Bahasa Melayu.

Sebelum pengutipan data dibuat, pengkaji telah menerangkan perihal kajian ini dan meminta responden kajian menandatangani borang persetujuan menjadi responden sebagaimana ditekankan oleh (Bailey, 2007; Lichtman, 2013), kerana menandatangani borang persetujuan menjadi responden kajian adalah sebahagian daripada etika kajian. Data kajian diperolehi melalui temu bual, kerana temu bual adalah salah satu kaedah pengumpulan data utama dalam penyelidikan kualitatif (Bailey, 2007; Creswell, 2013; Othman, 2017). Temu bual dibuat berlandaskan protokol temu bual yang mengandungi soalan temu bual separa struktur, di mana ianya bersifat lebih terbuka dan fleksibel serta memberi peluang kepada pengkaji untuk mengemukakan soalan-soalan mengcungkil berkaitan isu kajian dengan lebih mendalam (Hays & Singh, 2012).

Pada asasnya bagi memperoleh kesahan dan kebolehpercayaan kajian, triangulasi telah dibuat sebagaimana saranan oleh (Merriam, 1998; Creswell, 2013). Maka dalam konteks kajian ini triangulasi pada kaedah pengumpulan data telah dibuat. Ini selaras dengan pandangan Denzin (1978) dalam Hays & Singh (2012), terdapat 4 jenis kaedah triangulasi iaitu pertama triangulasi pada sumber data (mempunyai 3 jenis iaitu masa, tempat dan orang), kedua triangulasi pada kaedah pengumpulan data (kaedah temu bual, pemerhatian, analisis dokumen), ketiga triangulasi pada pengkaji (melibatkan lebih daripada seorang pengkaji) dan terakhir adalah triangulasi pada teori (lebih daripada satu teori digunakan dalam menjalankan kajian). Dalam konteks kajian ini pengkaji telah menggunakan triangulasi pada kaedah pengumpulan data.

Seterusnya adalah analisis data kajian ini, iaitu melibatkan proses transkripsi temu bual, proses pengkodan (coding) berakhir dengan penghasilan tema-tema bagi menjawab objektif kajian sebagaimana saranan oleh (Lichtman, 2013; Creswell, 2013). Pengkodan atau '*coding*' merupakan proses yang memerlukan pengkaji meneliti, mengenalpasti serta mengeluarkan tema-tema (sama ada beberapa patah perkataan, frasa ayat atau perenggan) daripada transkripsi dan memberi kod (label) yang melambangkan makna kepada tema tersebut. Ini juga dijelaskan oleh Boeije (2010), iaitu kod akan melambangkan makna terhadap frasa-frasa ayat atau tema-tema daripada transkripsi data, agar ianya menjawab objektif sesuatu kajian. Daripada proses pengkodan, tema-tema kajian telah diperolehi bagi menjawab objektif kajian ini. Tema-tema yang terhasil melalui analisis data kajian ini kemudiannya telah disahkan oleh dua orang pakar bidang yang mahir dan melaksanakan banyak kajian kualitatif.

Sememangnya proses pengkodan (*coding process*) boleh dibuat dengan berbantuan perisian terkini seperti Nvivo, ATLAS.ti dan pelbagai lagi, namun dalam konteks kajian ini pengkaji membuat proses pengkodan secara manual. Ini selari dengan pandangan Basit (2003) perisian



hanya berfungsi sebagai medium untuk memudahkan sahaja, sama ada proses pengkodan dibuat secara manual atau menggunakan perisian, tetapi pekar utama sebagai penyelidik adalah mereka perlu mahir dan memahami bagaimana membuat pengkategorian tema-tema secara manual, sebelum persediaan itu digunakan. Ini turut dinyatakan oleh Dey, (1993) pengkategorian tema-tema dan penetapan tema-tema adalah pekar pertama yang perlu dan ianya harus dibuat tanpa berbantuan perisian.

### Dapatan Kajian

Dapatan mendapati hasil daripada proses resosialisasi telah menyebabkan perubahan dalam aspek nilai dan tingkah laku juvana di institusi pemulihan dalam kajian ini. Apabila nilai baik sebagaimana digariskan dalam masyarakat dapat diterap dalam diri juvana, secara tidak langsung para juvana dalam kajian ini bertingkah laku baik juga. Berikut adalah beberapa contoh petikan temu bual bersama responden kajian.

Temu bual bersama responden mendapati sememangnya matlamat institusi pemulihan ialah membentuk individu yang mempunyai nilai-nilai baik masyarakat.

K3: Aaa..walupun kita tak boleh katakan kejayaan kesemua program, boleh jadikan budak ni, 100 percent boleh baik. Aaa..tapi kita cuba lahirkan lahirkan manusia.

Pk: Okay.

K3: *Which is* akhirnya kita nak budak yang keluar dari sini, berkonsepkan manusia yang berfungsi kepada masyarakat.

Pk: Okay. Yang maksudnya manusia yang ada nilai-nilai masyarakat dalam diri ke?

K3: Ya. manusia yang ada nilai baik masyarakatlah (K3: para 570-574)

Menurut responden seterusnya iaitu PKM1 apabila adanya nilai baik dalam diri juvana, maka mereka akan mempamerkan tingkah laku baik juga. Menurut beliau lagi nilai baik ini diterap dalam diri juvana melalui pelbagai perancangan pihak institusi misalnya pelbagai program dan salah satunya adalah melalui sistem ganjaran dan hukuman.

PKM1: Aaa...bila manusia yang ada nilai baik..aaa..jadi tingkah laku baiklah. Aaa..maknanya kalau dalam diri budak di sini kita tanam nilai baik melalui perancangan kita, aaaa..kita buat pelbagai program..kita laksanakan hukuman dan bagi ganjaran. Jadi...aaa..bila nilai baik dah kita terap dalam diri mereka..jadi tingkah laku baik dapat kita lihat..maknanya budak ni akan pamerkan tingkah laku baik.

Pk: Maknanya?

PKM1: Nilai ni...aaa..memanglah abstrak. Aaa..tapi bila budak di sini dah ada nilai baik dalam diri mereka, jadi kita boleh nampaklah..aaa.. tingkah laku mereka bertambah baiklah. (PKM1: para 483-485)

Secara asasnya dapatan selanjutnya mendapati tingkah laku yang ingin dipupuk adalah tingkah laku yang mematuhi peraturan di institusi dan undang-undang Malaysia apabila berada di luar nanti.

P4: Kita cuba perbetulkan balik perilaku...aaa..tingkah laku mereka. Mungkin mereka sebelum ni dibesarkan dalam kelompok jenayah. Jadi dia orang tidak tahu yang mana betul yang mana salah. Jadi di sini, di masa yang ada ni, kita

cuba betulkan balik apa yang salah dan kita sedarkan mereka apa yang sepatutnya mereka lakukan. Aaaa...agar tidak menyalahi undang-undang yang ada di Malaysia ni. (P4: Isnin, para 262)

PKM3: Perubahan tu sikap depa la. Dulu dekat luar depa buat salah kan, jadi nak tengok perubahan sikap. Jadi bila di dalam ni kita nak biar depa boleh ikut semua peraturan apa semua, disiplin depa tu mesti baik. (PKM3: para 146)

Memang tidak dapat dinafikan pelbagai pendekatan dan program boleh dibuat untuk meresosialisasi juvana. Akan tetapi pada artikel ini hanya memfokuskan contoh dapatan temu bual mengenai amalan ganjaran dan hukuman serta program agama dalam usaha meresosialisasikan juvana. Berikut adalah serba ringkas dapatan temu bual kajian ini berkaitan hal ini.

### ***Pengamalan Ganjaran dan Hukuman***

Sememangnya dapatan kajian ini mendapati ganjaran dan hukuman yang diamalkan merubah tingkah laku juvana ke arah lebih baik. Menurut responden lagi hukuman yang dibuat tidak berbentuk fizikal, tetapi lebih kepada membuat membuat kerja kebersihan. Ganjaran pula diberikan sekiranya juvana bertingkah laku baik dan ganjaran sebagai peneguhan supaya mereka tidak melanggar peraturan institusi.

Pk: Okay, orang selalu bercakap tentang sistem *reward* dan *punishment*.

K1: Ya.

Pk: So, kat sini dia guna sistem macam tu juga ke?

K1: Sama juga. Cuma *punishment* tu kita takdelah *punishment* betul. Kita *just* buat ni dendaan kebersihan.

Pk: *System reward and punishment* sebagai cara untuk bentuk tingkah laku pelajar ke?

K1: Itu kita guna kat sini sebab kita tak boleh nak jalankan hukuman yang fizikal. So, itulah dari segi *psychological*. Aaa..okay kalau kita bagi *reward*, sebagai peneguhan untuk dia bertingkah laku baik.. Dan kalau katakan *you* buat sesuatu yang melanggar peraturan kita akan tarik, apa yang *you* minat kita tarik sikitlah. (K1: para 466-471)

Petikan temu bual berikutnya bersama responden G12, G8 dan P1 pula mendapati melalui pengamalan hukuman membuatkan juvana serik untuk membuat kesalahan lagi dan ini memberi gambaran bahawa hukuman membawa perubahan tingkah laku.

Misalnya perkongsian oleh responden G12, setelah juvana menjalani hukuman membuat kerja kebersihan, mereka tidak lagi membuat tingkah laku yang bertentangan dengan peraturan institusi. Apabila mereka tidak bertingkah laku melanggar peraturan, bermakna dalam diri mereka nilai baik iaitu mematuhi peraturan telah wujud.

G12: Contoh dendaan dalam kelas seperti mengemas, menyapu sampah.

Pk: Jadi jika pelajar yang didenda tu, adakah mereka sedar kesalahan mereka atau mengulangi kesalahan lagi?

G12: Memang nampak perubahan dirinya..aaa.. sebabnya dia tak larat nak buat dendaan tu hari-hari. (G12: para 228-230)

Contoh berikutnya adalah pandangan responden G8 dan P1. Selain membuat kerja kebersihan sebagai hukuman, penarikan keistimewaan 'outing' juga adalah bentuk hukuman juga. Melalui penarikan 'outing' telah menyebabkan mereka merasa serik untuk membuat tingkah laku yang bertentangan dengan peraturan institusi. Ini kerana aktiviti 'outing' seperti menghadiri jamuan, persembahan gamelan, kompang dan pancaragam di luar merupakan aktiviti yang paling digemari oleh juvana.

G8: Aaa..outing pun salah satu hukuman yang dikenakan kalau mereka buat masalah.

Pk: Oh, macam tu.

G8: Buat masalah dan salah, memang outing ditarik.

Pk: Jadi kalau outing ditarik, adakah sedarkan diri mereka?

G8: Outing memang dia orang selalu nak lah. Aaa..jadi kalau outing ditarik, mereka akan serik nak buat salah lagi. (G8: para 388-392)

Pk: Boleh puan terangkan lebih lanjut lagi tentang keistemewaan yang ditarik?

P1: Okey keistemewaan banyak okey contoh misal ada perlawaan keluar, jamuan ke, ada kompang, gamelan, pancaragam dia suka sebab dia boleh keluar. Dia tak suka duduk kat dalam, jadi bila kita tarik keistemewaan, nanti dia orang akan berubah sikap, pasal diaorang nak keluar menyertai aktiviti luar. (P1: para 39-40)

Hasil temu bual berkumpulan bersama juvana juga menunjukkan setelah menjalani hukuman dimasukkan ke bilik tahanan, mereka mula menyedari kesilapan diri. Dalam kalangan juvana bilik tahanan itu dipanggil sebagai 'tumpang'. Ini kerana apabila dikenakan hukuman dimasukkan ke bilik tahanan, mereka tidak boleh bebas bergerak di dalam institusi, tidak boleh menyertai aktiviti dalaman dan hanya berada dalam kurungan di bilik tersebut. Daripada hasil temu bual dengan juvana membuktikan bahawa adanya perubahan tingkah laku mereka hasil hukuman penahanan dibilik tahanan di dalam institusi pemulihan.

Pk: Awak rasa hukuman tu berkesan tak untuk sedarkan diri awak?

JL5: Aaa..saya pun kena masuk 'tumpang' sebulan lebih. Aaa..masa dalam tu, saya fikir macam-macam lah. Aaa..dalam tumpang tak boleh nak buat apa-apa aktiviti, tak boleh bebas jalan-jalan dalam ni. Aaaa..jadi rasa serik nak buat salah lagi. (FG4: para 157-158)

Bukan hanya hukuman membentuk tingkah laku, malah pemberian ganjaran turut membantu perubahan tingkah laku yang tidak bertentangan dengan peraturan. Misalnya pemberian ganjaran berbentuk makanan *Kentucky Fried Chicken* (KFC) membantu mereka untuk berubah dalam aspek tingkah laku.

K3: Di pihak kami pula, kita gunakan KFC itu sebagai *reward system* untuk budak.

Pk: Haa betul.

K3: Kalau Korang buat baik, takde kesalahan, kita akan makan KFC. Jadi maknanya budak-budak akan *appreciate* dapat makan KFC dan dia pun jaga sikapnya, tak buat kesalahankannya. (K3: para 914-916)

Begitu juga pandangan responden G14, melalui pemberian ganjaran juvana mempamerkan tingkah laku positif iaitu semakin berminat untuk belajar.

G14: Aaa..jadi bila ada ganjaran ni..ada nampak sikap mereka minatlah belajar tu.  
(G14: para 34)

### ***Pelaksanaan Komponen Agama***

Data temu bual seterusnya memperlihatkan kepada kita melalui usaha pihak institusi pemulihan menekankan komponen agama, turut juga membantu merubah juvana. Terdapat responden yang menyatakan program agama seperti tazkirah turut membantu perubahan tingkah laku juvana ke arah lebih baik.

G8: Aaa...tak melibatkan semua pelatih, kecuali waktu waktu lepas solat kita bagi kuliah maknanya...aaa..masa lepas solat kita bagi tazkirah..

Pk: Okay.

G8: Tazkirah tu melibatkan semua orang lah.

Pk: Aaa... semasa tazkirah tu, apa respon para pelatih?

G8: Respon yang dapat dapatlah.

Pk: Maknanya?

G8: Maknanya, dapat terima tazkirah tu, dapat nampaklah sikap sopan, tingkah laku dia berubah. Aaa..supaya mereka boleh dapat apa yang kita nak sampaikan.  
(G8: para 410-416)

PKM1: Dekat sini aspek yang nak kita ubah tingkah laku. Aaa.. didikan agama, saya rasa agama lah penting dulu untuk bentuk tingkah laku baik.

(PKM1: para 116)

Hasil temu bual dengan juvana turut menyatakan kesan program ceramah agama telah membantu dirinya berubah iaitu telah mula memapamerkan tingkah laku rajin beribadah (mengerjakan solat). Tingkah laku rajia beribadah juga adalah tingkah laku baik kerana sebelum ini juvana tidak bersungguh-sungguh mengerjakan solat.

Pk: Jadi awak rasa ceramah agama boleh ubah awak sikit demi sikit?

JP8: Aaaa...macam saya, saya akan ubah perangai saya untuk solat misalnya, aaa..dulu saya solat main-main.Aaa..tapi sekarang saya dah solat betul-betul.

(FG1: para 235-236)

Tingkah laku baik iaitu rajin beribadah seperti membaca Al-quran mula kelihatan dalam diri juvana sebagaimana perkongsian responden G8. Menurut responden G8 lagi juvana dilihat rajin membaca Al Quran setelah mereka telah mengikuti kelas pengajian Al-quran.

G8: Sebelum tu dia orang, nak pegang Quran memang susah.

Pk: Okay.

G8: Tapi lepas ada kelas mengaji quran tu, nampak sambil-sambil tunggu pelatih pelatih lain masuk surau, dia orang dah pergi ambil Quran cuba baca sendiri, sebab dia orang dah tahu asas asas baca Quran. (G8: para 120 -122)

Pada bahagian dapatan ini hanya dipaparkan data temu bual sahaja berkaitan pengamalan ganjaran dan hukuman, pelaksanaan program agama serta kesannya terhadap perubahan diri juvana.

## **Perbincangan**

Secara asasnya untuk meresosialisasi juvana memerlukan perancangan yang merangkumi pelbagai program (Liudinskien 2005). Begitu juga hasil dapatan menunjukkan proses resosialisasi juvana di institusi pemulihan dalam kajian ini memerlukan pelbagai perancangan program dan antaranya ialah pelaksanaan sistem ganjaran dan hukuman serta penekanan komponen agama, yang hanya akan difokuskan dalam artikel ini.

Dapatan kajian mendapati pelaksanaan amalan ganjaran dan hukuman serta penekanan komponen agama berupaya merubah tingkah laku juvana dalam kajian ini atau dengan perkataan lain meresosialisasi juvana. Dapatan kajian turut mendapati sesungguhnya tingkah laku baik bermula dengan penerapan nilai baik yang cuba diusahakan oleh pihak institusi melalui pelbagai perancangan mereka, antaranya melalui program agama dan pelaksanaan hukuman serta ganjaran.

Secara asasnya sesuatu tingkah laku positif akan dipamerkan oleh seseorang individu seandainya di dalam diri mereka mempunyai nilai baik. Sememangnya menjadi matlamat institusi pemulihan dalam kajian ini ialah membentuk juvana yang mempunyai nilai-nilai baik masyarakat. Ini kerana apabila adanya nilai baik dalam diri, maka mereka akan menunjukkan tingkah laku baik juga. Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, (2017) nilai bermaksud darjat, kualiti, mutu, taraf dan sifat ketinggian pemikiran, agama dan kemasyarakatan. Nilai yang ada dalam diri seseorang terbentuk melalui interaksi sosial dengan individu di sekelilingnya dan proses pembelajaran nilai berlaku sepanjang hayat (Khairul Hamimah, Mohd Fauzi & Hadenan 2012)

Pada asasnya tingkah laku yang dipamerkan oleh seseorang adalah refleksi daripada nilai yang ada dalam dirinya. Ini diperkukuhkan lagi melalui pandangan oleh Bhasah & Akma (2004) nilai dimanifestasikan secara konkrit dan objektif pada cara dan gaya bertingkah laku, bertutur, cara membuat pemilihan, termasuklah perlakuan hariannya. Apabila seseorang individu mempunyai nilai baik yang tertanam dalam dirinya maka secara tidak langsung dia akan mempamerkan tingkah laku baik, begitu juga halnya dengan juvana yang berada dalam tahanan di institusi pemulihan (Bynum & Thompson 1999; Landis, 2000; Ferrante, 2014)

Sebagaimana pendapat tokoh terdahulu seperti Brym & Lie, (2006) dan Ferrante, (2014) keterlibatan juvana dalam delikueni adalah disebabkan juvana mempunyai nilai yang salah dalam diri mereka. Nilai-nilai salah ini adalah hasil pembelajaran juvana dengan rakan-rakan yang salah yang berada di persekitarannya (Mincey, Maldonado, Lacey & Thompson, 2008; Ferrante, 2014). Oleh itu nilai salah ini harus diperbetulkan melalui proses resosialisasi, supaya perubahan dapat dilihat pada aspek pegangan nilai dan seterusnya juvana mampu bertingkah laku baik.

Secara asasnya Abrams et al. (2006) dan Cox, (2011) menyatakan penubuhan institusi pemulihan bertujuan untuk merubah juvana agar bertingkah laku baik dan tidak mengulangi jenayah setelah dibebaskan. Begitu juga dapatan pengkaji di mana melalui perancangan institusi yang merangkumi penekanan komponen keagamaan dan pelaksanaan sistem ganjaran dan hukuman, ianya berupaya menanam nilai baik dan akhirnya tingkah laku baik juga dapat dilihat dalam diri juvana.

Memang tidak dinafikan untuk merubah tingkah laku juvana boleh dicapai melalui pelbagai cara, salah satu daripadanya ialah pengamalan ganjaran dan hukuman. Amalan ganjaran dan hukuman ini bertitik tolak daripada idea ahli-ahli psikologi aliran behaviorisme (Azizi

Yahaya, & Mohd Sofie, 2010). Memandangkan keberkesanan amalan hukuman dan ganjaran telah banyak dibincangkan, jadi ianya diaplikasikan bagi membentuk individu daripada pelbagai lapisan umur. Misalnya ganjaran dan hukuman telah lama diamalkan dalam usaha untuk membentuk tingkah laku seawal usia kanak-kanak lagi (Cook, 2005; Abeer & Zaid 2009; Theunissen, et. al. 2015), termasuklah pelajar-pelajar di sekolah (Ngu, 2009; Zalina et.al., 2016). Tidak terkecuali ganjaran dan hukuman turut dipraktikkan untuk pesakit di unit psikiatri (Harrison, O'Brien, Lopez & Treasure, 2010) termasuklah untuk kelompok banduan di penjara (Darley, 2005).

Maka tidak hairanlah seandainya amalan ganjaran dan hukuman digunakan oleh institusi pemulihan dalam kajian ini untuk merubah juvana. Bentuk hukuman untuk juvana dalam konteks kajian ini tidaklah keras hanya merangkumi membuat kerja kebersihan, penarikan keistimewaan 'outing' (aktiviti 'outing' seperti menghadiri jamuan, persembahan gamelan, kompong dan pancaragam di luar) dan dimasukkan ke bilik tahanan sementara. Manakala bentuk ganjaran lebih kepada pemberian makanan yang digemari, misalnya *Kentucky Fried Chicken*.

Dapatan kajian pengkaji ini menyokong pengkaji lepas iaitu melalui pelaksanaan ganjaran dan hukuman mampu merubah tingkah laku juvana. Sebagai contoh lihat kajian oleh Wing (2005) dan Sharifah Norshah Bani & Zulkifli (2008), kedua-kedua kajian ini turut membuktikan penggunaan ganjaran dan hukuman mampu membentuk tingkah laku juvana yang berada dalam institusi pemulihan. Begitu juga melalui kajian Franzén, (2014) yang mana memperlihatkan dapatan sama, iaitu ganjaran dan hukuman membantu perubahan juvana supaya mereka lebih akur dan patuh pada peraturan dan juga terus mempamerkan tingkah laku positif. Hasil kajian yang diutarakan oleh Cox (2011) juga masih lagi selari dengan dapatan pengkaji, yang mana pemberian ganjaran berbentuk peluang telefon keluarga, peluang menonton televisyen dan bersiar-siar di luar, kesemua ini merangsang mereka untuk terus bertingkah laku baik.

Berdasarkan perbincangan ini, tidak dapat dinafikan lagi bahawa amalan ganjaran dan hukuman sangat penting untuk membentuk tingkah laku individu (Borowski, 2017). Namun ganjaran dan hukuman bukanlah satu-satunya cara yang mampu merubah tingkah laku juvana, tetapi ianya perlu disertakan dengan pelaksanaan cara yang lain, salah satunya penekanan kepada komponen agama.

Sememangnya agama adalah komponen yang sangat penting untuk merubah diri seseorang. Maka komponen agama sering diselitkan sebagai program untuk merubah tingkah laku juvana tidak kiralah juvana yang berada di institusi pemulihan dalam negara (Malaysia), termasuklah institusi pemulihan di luar negara. Dapatan pengkaji melalui komponen agama membantu perubahan tingkah laku positif pada diri juvana. Oleh itu dapatan pengkaji menyokong dapatan lepas, misalnya (Azlina Muhammad, 2012; Nazneen Ismail et.al. 2016; Siti Marziah Zakaria & Nur Afifah Zulkifli, 2017 dan Noor Hafizah Mohd Haridi, et al. 2017), yang mana hasil penekanan komponen agama, sememangnya membentuk diri juvana yang bertingkah laku lebih baik. Komponen agama boleh merangkumi pelbagai pendekatan misalnya kelas fardhu ain agama, kelas Al-Quran, aktiviti solat berjemaah, tazkirah, amalan zikir, dan pelbagai lagi program berteraskan agama.

Begitu juga di luar negara, terdapat kajian lepas yang turut memperlihatkan kepada kita bahawa apabila program berintipati agama anutan mereka, telah membawa satu kesan positif pada tingkah laku juvana (Swanson, 2009; Dodson, et. al. 2011; Gardner, 2011). Berdasarkan

beberapa contoh kajian lepas yang dinyatakan di atas, sama ada kajian di dalam negara mahupun luar negara, ianya menyamai dapatan pengkaji, iaitu untuk berlakunya perubahan tingkah laku juvana, ianya turut memerlukan komponen agama. Seandainya juvana telah mempunyai kepercayaan agama yang kukuh, mereka akan mempamerkan kelakuan baik dan tidak akan mengulangi perbuatan yang bertentangan dengan undang-undang negara setelah dibebaskan kelak sebagaimana pandangan (Swanson 2009).

### **Kesimpulan**

Perubahan tingkah laku dalam diri juvana sememangnya sebahagian daripada fokus utama institusi pemulihan juvana di Malaysia. Perubahan ini penting kerana rata-ratanya juvana mempunyai tingkah laku negatif dan ini perlulah diperbetulkan melalui cara dan pendekatan yang bersesuaian. Dalam konteks kajian ini melalui dua (penekanan komponen agama, pengamalan ganjaran dan hukuman) dilihat berupaya memperbetulkan nilai dan seterusnya tingkah laku juvana dalam kajian ini. Nilai adalah sesuatu yang abstrak dan seandainya nilai baik sudah ada dalam diri juvana hasil proses resosialisasi, secara tidak langsung tingkah laku baik dipamerkan oleh para juvana.

Sememangnya banyak kajian terdahulu telah membuktikan kepentingan sistem ganjaran dan hukuman untuk membentuk tingkah laku individu. Manakala komponen agama juga penting kerana sekiranya individu mempunyai pegangan agama yang kukuh, dia akan mempamerkan kelakuan bermoral selari dengan ekspektasi masyarakat di sekelilingnya.

### **Rujukan**

- Abeer Al-Hooli & Zaid Al-Shammari. (2009). Teaching And Learning Moral Values Through Kindergarten Curriculum. *Journal of Education*, *v129 n3*, 382-399.
- Abrams, L. S. (2006). Listening to Juvenile Offenders: Can Residential Treatment Prevent Recidivism? *Child and Adolescent Social Work Journal*, *vol. 23, no. 1, February 2006*, 69-85.
- Ahmad Syawaludin & Sri Marmoah. (2018). Reward And Punishment In The Perspective Of Behaviorism Learning Theory And Its Implementation In Elementary School. Dibentangkan dalam *1st National Seminar on Elementary Education, Conference Series 1 (1) (2018)*, 18-23.
- Azizi Yahaya, & Mohd Sofie Bahari. (2010) Teori-Teori Tingkah Laku Berisiko. Teori-Teori Tingkah Laku Berisiko, 1-7. Diakses daripada <http://eprints.utm.my/id/eprint/10403/>
- Azlina Muhammad (2012). *Penghuni Raudhatul Sakinah: Kajian Terhadap Latar Belakang Dan Faktor Salah Laku*. Disertasi Ijazah Sarjana tidak diterbitkan. Universiti Malaya.
- Bailey, C. (2007). *A guide to qualitative field research*. California, USA: Sage Publication.
- Basit, T. N. (2003). Manual or electronic? The role of coding in qualitative data analysis. *Educational Research Vol. 45 No. 2 Summer 2003*, 143–154
- Bhasah Abu Bakar & Akma Abd. Hamid. (2004) Peranan nilai dengan perlakuan pelajar sekolah menengah. Dalam *Seminar Antarabangsa Nilai dalam Komuniti Pasca Modenisme (SIVIC 2004), 4-6 September 2004, Hotel City Bayview Langkawi*. (Tidak diterbitkan). Diakses daripada <http://repo.uum.edu.my/1897/1/44.pdf>
- Boeije, H. (2010). *Analysis in qualitative research*. California, USA: Sage Publication.
- Borowski, A. (2017). Totality in sociological research. *World Scientific News 66 (2017)*, 109-122
- Bowman, S. W. & Travis, R. (2012). Prisoner Reentry and Recidivism According to the Formerly Incarcerated and Reentry Service Providers: A Verbal Behavior Approach. *The Behavior Analyst Today*, *vol. 13, NOS. 3 & 4*, 9-19.

- Brym, R. J. & Lie, J. (2006). *Sociology: Your Compass To The New World*. Belmont, CA; Wadsworth Thompson Learning.
- Bynum, J. E. & Thompson, W. E. (1999). *Juvenile delinquency a sociological approach*. Boston: Allyn and Bacon.
- Chua Y.P. (2006). *Kaedah penyelidikan*. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill Education.
- Creswell, J. W. (2013). *Qualitative inquiry & research design: Choosing among five approaches*. Thousand Oak, California: Sage Publications.
- Cook, M. N. (2005). The Disruptive or ADHD Child: What to Do When Kids Won't Sit Still and Be Quiet. *Focus On Exceptional Children.*, volume 37 Number 7, 1-9.
- Cox, A. 2011. "Doing the Programme or Doing Me? The Pains of Youth Imprisonment." *Punishment & Society* 13 (5), 592–610.
- Darley, J.M. (2005). On the Unlikely Prospect of Reducing Crime Rates by Increasing the Severity of Prison Sentences. *Journal of Law and Policy*, volume 13, Issue 1, 189-208.
- Dey, I. (1993). *Qualitative Data Analysis: a User-Friendly Guide for Social Scientists*. London: Routledge.
- Dodson, K. D., Cabage, L.N., & Klenowski, P.M. (2011). An Evidence-Based Assessment of Faith-Based Programs: Do Faith-Based Programs "Work" to Reduce Recidivism? *Journal of Offender Rehabilitation*, 50, 367–383.
- Donges, W. E. (2015). How Do Former Juvenile Delinquents Describe Their Educational Experiences: A Case Study. *The Journal of Correctional Education* 66(2), 75-90.
- Ferrante, J. (2014). *Seeing sociology: An Introduction*. Belmont, CA:Wadsworth Cengage Learning.
- Franzén, A.G. (2014). Responsibilization and Discipline: Subject Positioning at a Youth Detention Home. *Journal of Contemporary Ethnography*, 1–29.
- Gardner, J. (2011). Keeping Faith: Faith Talk by and for Incarcerated Youth. *Urban Review* (2011) 43, 22–42.
- Gershoff, E. T. (2002). Corporal punishment by parents and associated child behaviors and experiences: a meta-analytic and theoretical review. *Psychological Bulletin*. 2002; 128, 539–579.
- Green, J. & Thorogood, N. (2009). *Qualitative methods for health research*. Los Angeles: Sage Publication.
- Harrison, A., O'Brien, N., Lopez, C. Treasure, J. (2010). Sensitivity to reward and punishment in eating disorders. *Psychiatry Research* 177 (2010), 1–11.
- Hays, D. G. & Singh, A.A. (2012). *Qualitative inquiry: In clinical and educational settings*. New York: Guilford Press.
- Henslin, J. M. (2012). *Sociology: A down to earth approach*. Upper Saddle: Pearson Inc.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat, (2017). *Laporan Statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat Tahun 2009 Hingga Tahun 2016*. Putrajaya, Kuala Lumpur.
- Jennings, M. A. & Gunther, J. (2000). Juvenile Delinquency in Search of a Practice Model: Family Health, Differential Association, and Social Control. *Journal of Family Social Work*, vol. 5(1) 2000, 75-89.
- Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka. (2017). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Kendall, D. (2017). *Sociology in our times: The essentials*. Belmont, CA: Thompson Wadsworth.
- Khairul Hamimah Mohammah Jodi, Mohd Fauzi Hamat & Hadenan Towpek. (2012). Nilai-Nilai Islam Dalam Program Pemulihan Banduanita Di Penjara. *Jurnal Usuluddin (Januari – Jun 2012)*, 35, 99-116.
- Landis, J. R. (2000). *Sociology concepts and characteristics*. USA: Wadsworth Thompson Learning.



- Langa, Claudiau. (2014). Rewards and Punishments Role in Teacher-Student Relationship from the Mentor's Perspective. *Acta Didactica Napocensia*, 7, (4), 7-12.
- Lelekov, V., & Kosheleva, E. (2008). On the Prevention of Juvenile Crime. *Russian Education and Society*, 50, (9), 68-83.
- Liaudinskien, G. (2005). Resocialization Barriers of Juvenile Delinquents. *Social Sciences* 2005. Nr. 1 (47), 41-53.
- Lichtman, M. (2013). *Qualitative research in education: A user's guide*. California, USA: Sage Publication Inc.
- Lotti, G. (2016). Tough on young offenders: Harmful or helpful?. 1-62. Diakses daripada [https://warwick.ac.uk/fac/soc/economics/research/workingpapers/2016/twerp\\_1126\\_1otti.pdf](https://warwick.ac.uk/fac/soc/economics/research/workingpapers/2016/twerp_1126_1otti.pdf).
- Merriam, S.B. (1998). *Qualitative research and case study: Applications in education*. New York: Jossey Bass Inc.
- Mincey, B., Maldonado, N., Lacey, C.H. & Thompson, S. D. (2008). Perceptions of Successful Graduates of Juvenile Residential Programs: Reflections and Suggestions for Success. *The Journal of Correctional Education* 59(1), March 2008, 8-31.
- Mohd Al Adib Samuri, Zuliza Mohd Kusrin, Noor Aziah Mohd Awal, Amir Husin Mohd Nor, Salasiah Hanin Hamjah & Zaizul Bin Ab Rahman. (2013). The Rehabilitation Theory in Adjudicating Child Offenders and Its Application in Malaysia. *Asian Social Science*; vol. 9, No. 15; 2013, 156-165.
- Muh. Rodhi Zamzami. (2015). Penerapan Reward And Punishment Dalam Teori Belajar Behaviorisme. *TA' LIMUNA*, vol.4, No. 1, Maret 2015, 1-20.
- Nadiah Syariani, Mohammad Rahim K. & Geshina Ayu. (2014). Psychosocial Differences between Male Juvenile Delinquents and Normal Adolescents. *Health and the Environment Journal*, vol. 5, No 2, 94-109.
- Nazneen Ismail, Nurzatil Ismah Azizan, Sahlawati Abu Bakar, Zanariah Dimon & Nurul Husna Mohd Jabar. (2016). Persepsi Pelatih Terhadap Kaedah Pemulihan Di Pusat Perlindungan. *International Conference on Aqidah, Dakwah And Syariah 2016 (Irsyad 2016) Seminar Antarabangsa Akidah, Dakwah Dan Syariah 2016 (IRSYAD 2016)*. Diakses daripada <http://conference.kuis.edu.my/irsyad/e proceeding/2016/1013-irsyad-2016.pdf>.
- Ngu, M. K. (2009). Meningkatkan Keberkesanan Kawalan Kelas Menggunakan Kaedah Ganjaran Dan Hukuman Untuk Murid-Murid Tahun 3. Dibentangkan di *Seminar Penyelidikan Tindakan IPG KBL Tahun 2012, pada 27&28 September 2012/ IPG KBL*, 132-146.
- Noor Hafizah Mohd Haridi, Fakhrol Adabi Abd. Kadir & Norsaleha Mohd Salleh. (2017). Pengetahuan Agama Dalam Kalangan Remaja Di Institusi Pemulihan Akhlak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah, Special Issue (2017)*, 66-72.
- Othman Lebar. (2017). *Penyelidikan kualitatif: Pengenalan kepada teori dan metod*. Tg Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Reed, D. K., Miller, N. & Novosel, L. C. (2017). Vocabulary Instruction to Support the Career Readiness of Juvenile Offenders. *The Journal of Correctional Education* 68(1), March 2017, 32-51.
- Regoli, R. M. & Hewitt, J. D. (2003). *Delinquency in society*. New York: Mc Graw Hill.
- Rosilawati Sultan Mohideen, Nurliyana Kamilah Khairul Anuar, Dzaa Imma Abdul Latiff, Abdul Rauf Ridzuan & Fazlul Haque Kamarudin. (2016). Social Factors That Contribute Juvenile Delinquency At Melaka. *Journal of Education and Social Sciences*, Vol. 3, (Feb.), 93-98.

- Scott, S. (2011). Total institution and reinvented identities. Hampshire: Palgrave Mac Millan.
- Sharifah Norshah Bani Syed Bidin & Zulkifli Haji Mohd Yusoff. (2008). Perubahan Personaliti Kesan Uslub Tabshir Dan Indhar: Kajian Kes Di Sekolah Henry Gurney (SHG). *Jurnal Usuluddin, Bil 27 [2008]*, 41-59.
- Siti Balqis Mohd Azam, Haris Abdul Wahab & Siti Hajar Abu Bakar Ah. (2013). Ciri-Ciri Pemulihan Terapeutik Berkesan Untuk Anak Gadis Hamil Luar Nikah. *Sarjana, vol. 28, No. 1, June 2013*, 181-194.
- Siti Marziah Zakaria & Nur Afifah Zulkifli. (2017). Pengalaman Remaja Di Rumah Perlindungan Dan Perubahan Dalam Makna Hidup. *Journal of Social Sciences And Humanities, Special Issue 3 (2017)*, 1-11.
- Sullivan, T. J. (2007). *Sociology: Concepts and applications in a diverse world*. Boston, MA: Allyn & Bacon.
- Swanson, K. (2009). Faith and Moral Development: A Case Study of a Jail Faith-Based Correctional Education Program. *The Journal of Correctional Education 60(4), December 2009*, 343- 358.
- Theunissen, M.H., Vogels, A.G. C & Sijmen A. Reijneveld, S.A. (2015). Punishment and Reward in Parental Discipline for Children Aged 5 to 6 Years: Prevalence and Groups at Risk. *Academic Pediatrics, volume 15, Number 1*, 96-102.
- Tischler, H. L. (2011). *Introduction to sociology*. California, USA: Wadsworth Cengage Learning.
- Wing, H.C. (2005). Detention Center in Hong Kong: A Young Offender's Narrative. *Journal of Offender Rehabilitation, Vol. 41 (1), 2005*, 67-84.
- Young, M. V., Phillips, R. S., & Nasir, S. N. (2010). Schooling in a Youth Prison. *The Journal of Correctional Education 61(3)*, September 2010, 203-222.
- Zainudin Sharif & Norazmah Mohamad Roslan. (2011). Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Remaja Terlibat Dalam Masalah Sosial Di Sekolah Tunas Bakti, Sungai Lereh, Melaka. *Journal of Education Psychology & Counseling, volume 1 Mac 2011*, 115-140.
- Zalina Katman, Mohd Hanafi Mohd Yasin, Mohd Mokhtar Tahar. (2016). *Penggunaan Peneguhan Positif: Pujian dan Token Ekonomi untuk Modifikasi Tingkahlaku Murid Pendidikan Khas 'Slow Learner'*. pp 1-9. Diakses daripada <https://www.researchgate.net/publication/311105655>